

MAHATHIR - PERUBATAN  
(I)

1984

KUALA LUMPUR, 12 SEPT (BERNAMA) -- LANGKAH KERAJAAN HENDAK MENSWASTAKAN HOSPITAL-HOSPITAL BERTUJUAN MENGURANGKAN KOS YANG KIAN MENINGKAT, KATA PERDANAMENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INS.

BAGAIMANAPUN, TEGASNYA, INI TIDAK BERERTI KERAJAAN SUDAH MULA +HENDAK MENARIK PEMBERIAN RAWATAN PERCUMA UNTUK ORANG-ORANG MISKIN+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MENCAPAI KEPUTUSAN HENDAK MENSWASTAKAN SEBAHAGIAN DARI KEMUDAHAN SOSIALNYA. HANYA SELEPAS MEMBERIKAN PERHATIAN SERIUS TERHADAP +LANGKAH MENGURANGKAN KOS+.

BERUCAP DI PERASMIAN MESYUARAT SAINTIFIK GABUNGAN ANTARABANGSA KEDUA DI SINI, BELIAU BERKATA DENGAN PENSWASTAAN HOSPITAL HANYA YANG MISKIN AKAN DIBERI RAWATAN PERCUMA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG DIIRINGI OLEH DATIN SERI DATUK PADUKA DR. SITI HASMAH KE MESYUARAT ANJURAN KOLEJ DOKTORAM, TABIB DAN PAKAR BEDAH, BERKATA DI BAWAH SISTEM SEKARANG MEREKA YANG MAMPU MEMBAYAR MENGELAKKAN DIRI DARI MEMBAYAR.

MALAHAN FIRMA-FIRMA YANG SEPATUTNYA MENGAMBIL INSURAN PERUBATAN BAGI KAKITANGANNYA JUGA MENGHADIRI KANDIRI HENDAPKAN RAWATAN PERCUMA. - LAGI

MAHATHIR - PERUBATAN 2 KUALA LUMPUR

MENJELASKAN SELANJUTNYA LANGKAH KERAJAAN ITU, BELIAU BERKATA PENSWASTAAN HOSPITAL DIPERINGKAT AWAL BERERTI MENYEDIAKAN KEMUDAHAN HOSPITAL KERAJAAN BAGI KEGUNAAN PARA DOKTOR SWASTA DENGAN DIKENAKAN BAYARAN.

KERAJAAN BAGAIMANAPUN TIDAK AKAN DAPAT MELIPUTI SEMUA KOSNYA MALAHAN UNSUR SUBSIDY AKAN DITERUSKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG MENGESAN KEMBALI SEJARAH, SYSTEM PERUBATAN SEKARANG, BERKATA KERAJAAN PENJAJAH MEMULAKAN HOSPITAL KERAJAAN BAGI MENGAJUKAN KEMUDAHAN PERCUMA UNTUK PARA PEGAWAPNYA DAN JUGA MENGGALAKAN ORANG-ORANG TEMPATAN MENGGUNAKAN PERUBATAN BARAT.

BERBANDING DENGAN KETIKA ITU BILA MANA UBAT DAN SERBUK BERHARGA BEBERAPA SEN SAJA, KOS PERUBATAN SEKARANG AMATLAH MAHAL, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA RAWATAN PERCUMA TELAH MENJADI BEBAN YANG BERAT SEKALIPUN DIKENAKAN SEDIKIT BAYARAN DAN ALIRAN SEKARANG MENUNJUKKAN BEBAN INI TERUS BERTAMBAH BARAT. - LAGI

1947MST 12 09 84

D266

U 0432 DEE3

MAHATHIR - PERUBATAN 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA INI BUKANLAH MASALAH BAGI KERAJAAN SAJA TETAPI JUGANEGARA SELURUHNYA, KERANA RAWATAN ITU SEBENARNYA BUKANLAH PERCUMA OLEH KERANA PEMBAYAR CUKAI YANG MEMBAYARNYA.

SOAL YANG HARUS MEREKA TANYAKAN IALAH SAMA ADA WANG MEREKA DIBELANJAKAN UNTUK ORANG MISKIN YANG MEMERLUKANNYA ATAU APAKAH BEBERAPA BUAH SYARIKAT PERKAWANGAN TERMASUK FIRMA INSURANS TURUT MEREKUT PELUANG PERCUMA INI?

BELIAU MENYERU PARA WAKIL MESYUARAT ITU MEMIKIRKAN SOAL KOS PERUBATAN YANG MENINGKAT.

MENGENAI TIGA KOLEJ BERASINGAN YANG MENGANJURKAN MESYUARAT ITU, BELIAU BERKATA PERTUBUHAN YANG PELBAGAIAN AKAN HANYA MENIMBULKAN KERUMITAN. JIKA KOLEJ ITU TIDAK DAPAT BERGABUNG MEREKA SEKURANG-KURANGNYA HENDAKLAH BEKERJASAMA.

PAKAR PERUBATAN YANG MENGHADIRI MESYUARAT ITU TERMASUK MEREKA DARI SINGAPURA, THAILAND? AUSTRALIA, HONGKONG, BRITAIN, ARAB SAUDI DAN SCOTLAND.

MESYUARAT EMPATHARI ITU TERMASUK SIMPOSIUM TERBUKA HARI INI YANG TURUT DISERTAI OLEH PARA WAKIL DARI MEDIA MASSA. - BERNAMA